



Ruj. Kami : PJTM (P) 442/1/JLD.3 (17)
Tarikh Iklan : 16 Safar 1444H
13 September 2022

KENYATAAN SEBUTHARGA

(TAWARAN KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang beralamat di Jajahan Tanah Merah serta berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

Bil.	Tajuk Kerja	Taraf / Jenis Syarikat	Kelas	Kepala / Sub Kepala	Tarikh Tutup
1	Menyelenggara Jalan Tepi Sekolah Kebangsaan Bechah Laut, Tanah Merah, Kelantan. No. Sebutharga: PJTM (P) 103/3/SH32/2022	Khas Bumiputera	G1	CE 01	25/09/2022 (AHAD)
2	Kerja-kerja menyelenggara Jalan Kg Buloh, Tanah Merah, Kelantan. No. Sebutharga: PJTM (P) 103/3/SH33/2022				

2. Pendaftaran kontraktor adalah melalui atas talian dengan membuat pendaftaran di laman web Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah iaitu <http://www.pjtm.kelantan.gov.my> dan taklimat projek serta skop kerja Sebutharga boleh diperolehi menerusi capaian tersebut bermula pada **15/09/2022 jam 8.00 pagi hingga 17/09/2022 jam 12.00 malam**. Pendaftaran sebelum dan selepas tarikh serta masa yang ditetapkan **TIDAK** akan diterima. Lawatan tapak **TIDAK DIWAJIBKAN**.

3. Hanya kontraktor yang membuat pendaftaran dan memenuhi kriteria sahaja layak untuk membeli dokumen sebutharga. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada penama syarikat dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) / Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat **(*Sila bawa bersama Sijil Asal semasa pembelian dokumen)**.
4. Kontraktor yang ingin memasuki tawaran di atas adalah dikehendaki membuat bayaran berjumlah **RM 30.00 (Ringgit : Tiga Puluh Ringgit Sahaja)** setiap Sebutharga kepada Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah bermula **19/09/2022**.
5. Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul yang ditulis Nombor Sebutharga, Nama Sebutharga serta tarikh tutup dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga selewatnya pada **25/09/2022 sebelum 12.00 tengahari** di Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah, Kelantan.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"
"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMAD SANY BIN SATTAR)
Ketua Penolong Ketua Jajahan (Pembangunan)
b.p : **KETUA JAJAHAN TANAH MERAH**

s.k : YABrs. Ketua Jajahan – Untuk Makluman Tuan
Fail – Sebutharga